



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH AIDILFITRI

Tajuk :

HAKIKAT KEMENANGAN

Tarikh Dibaca :

1 SYAWAL 1445H

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جَاهَةٌ كَمَا لَوْ أَنَّ إِسْلَامَ مَلَسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

HAKIKAT KEMENANGAN

1 SYAWAL 1445H

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ ، وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ ، صَدَقَ وَعْدُهُ ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ . لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ . أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَأَيُّيَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْكَرِيمِ ، : أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُبِينًا ، لِيُغْفِرَ لَكَ اللَّهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِكَ وَمَا تَأَخَّرَ وَيُتِمَّ نِعْمَتَهُ وَرَحْمَتَهُ عَلَيْكَ وَيَهْدِيكَ صِرَاطًا مُسْتَقِيمًا ،

Muslimin Muslimat yang dikasihi sekalian,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredhaan Allah SWT di dunia mahupun di akhirat. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh umat Islam dan pada pagi

Aidilfitri yang indah ini saya akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**Hakikat Kemenangan**”.

Saya ingin berpesan kepada seluruh umat Islam untuk menyeru kepada sidang jemaah sekalian untuk terus istiqamah memenuhkan masjid bagi mendirikan solat secara berjemaah sebagaimana Ramadan lalu, terus berpesan-pesan menyeru melakukan kebaikan dan mencegah sebarang bentuk kemungkaran serta saya juga tidak akan jemu menyelitkan sedikit pesanan kepada seluruh umat Islam untuk mengenangkan nasib umat Islam di Palestin yang menjadi mangsa kekejaman rejim zionis Israel *laknatullah ‘alaihim*. Semoga Allah SWT memberikan mereka kesabaran, kemenangan dan kebahagiaan di tanah air mereka sendiri. Insya-Allah.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah,

Marilah kita awali pagi yang mulia ini dengan bersyukur kepada Allah SWT sebanyak-banyaknya atas segala nikmat kurniaan-Nya lebih-lebih lagi setelah sebulan kita *bermujahadah* dalam Bulan Ramadan. Sejak Maghrib semalam kita bertakbir membesarkan Allah SWT tanda kemenangan. Pagi ini pula kita direzekikan lagi untuk menyambut Aidilfitri dalam suasana yang sangat tenang, indah dan bahagia. Kita telah selesai mendirikan solat sunat Aidilfitri. Semua umat Islam, tanpa mengira pangkat dan kedudukan, bersujud kepada Allah SWT menunjukkan betapa kerdilnya kita dan sebenarnya kita tidak memiliki apa-apa pun di sisi Allah SWT.

Perasaan gembira bercampur sedih menyatu dalam hati kita ketika ini kerana dengan pertolongan dari Allah SWT jua, kita dapat melaksanakan ibadah puasa dan ibadah-ibadah yang lain dalam Bulan Ramadan, tetapi dalam masa yang sama, kita juga berasa sedih kerana harus berpisah dengan bulan agung yang penuh keberkatan.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya hari raya tidak dijadikan oleh Allah SWT untuk bersenda gurau dan bergembira semata-mata. Akan tetapi disyariatkannya untuk kita bertakbir dan berzikir

kepada Allah SWT, melaksanakan ketaatan kepada-Nya dan memperbanyak *istighfar*, memohon ampun kepada Allah SWT, tunduk kepada-Nya, bersyukur atas sempurnanya mengerjakan ibadah puasa dan *qiamullail* serta mendekatkan diri dengan berzakat, bersedekah dan mendirikan solat.

Ketahuiilah, bahawa orang yang menang dan bahagia itu bukanlah orang yang berpeluang menyambut hari raya, memakai pakaian baharu, atau menikmati pelbagai juadah. Akan tetapi, seseorang itu dikatakan bahagia apabila Allah SWT menerima puasa dan solatnya serta Allah SWT menghapus segala dosanya. Allah SWT berfirman:

ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ لَا يُصِيبُهُمْ ظَمَأٌ وَلَا نَصَبٌ وَلَا مَخْمَصَةٌ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا يَطْئُونَ مَوْطِئًا يَغِيظُ
الْكُفَّارَ وَلَا يَنَالُونَ مِنْ عَدُوِّ نَيْلًا إِلَّا كُتِبَ لَهُمْ بِهِ عَمَلٌ صَالِحٌ

Maksudnya: “Yang demikian kerana sesungguhnya (tiap-tiap kali) mereka merasai dahaga, dan merasai penat lelah, dan juga merasai lapar (dalam perjuangan) pada jalan Allah; dan (tiap-tiap kali) mereka menjejak sesuatu tempat yang menimbulkan kemarahan orang-orang kafir; dan juga (tiap-tiap kali) mereka menderita sesuatu yang mencederakan dari pihak musuh - melainkan semuanya itu ditulis bagi mereka: (pahala) amal yang soleh”. (Surah al-Taubah ayat 120)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah,

Ramadan yang berlalu pergi meninggalkan kita dengan semangat dan motivasi untuk meneruskan amal ibadah dalam rangka menjadi hamba-Nya yang bertakwa. Kita tidak mahu tergolong dalam kalangan orang yang didoakan oleh Jibril ‘alaihissalam sebagai golongan yang malang. Hadis sahih yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA:

Ketika Nabi SAW menaiki mimbar, Baginda SAW bersabda: “Amin, Amin, Amin (sebanyak 3 kali)”. Baginda SAW ditanya: “Wahai Rasulullah! Apabila engkau menaiki mimbar, engkau telah berkata amin, amin, amin?”. Maka Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya Jibril AS telah datang kepadaku, lalu dia (Jibril) berkata: Barangsiapa yang bertemu dengan Bulan Ramadan tetapi tidak diampunkan baginya maka dia akan

*dimasukkan ke dalam neraka serta dijauhkan (daripada rahmat) oleh Allah SWT. Katakanlah (wahai Muhammad): Amin. Maka aku katakan: Amin. Dan barangsiapa sempat dengan kedua orang tuanya tetapi tidak berlaku baik kepada mereka. Kemudian dia meninggal maka dia akan dimasukkan ke dalam neraka serta dijauhkan (daripada rahmat) oleh Allah SWT. Katakanlah (wahai Muhammad): Amin. Maka aku katakan: Amin. Dan barangsiapa yang disebut kepadanya dan dia tidak berselawat kepadaku, maka dia akan dijauhkan (daripada rahmat) oleh Allah SWT. Katakanlah (wahai Muhammad): Amin. Maka aku katakan: Amin”.*¹

Maka, setelah sebulan yang lalu kita berusaha melakukan amal soleh, maka hendaknya kita perbanyakkan berdoa supaya Allah SWT menerima segala amal kebajikan kita itu dan menjadi pemberat kepada timbangan amal kita di akhirat kelak.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah,

Ketahuilah bahawa sesungguhnya hari raya peluang terbaik untuk kita memperbaiki hubungan sesama kita. Jika sebelum ini kita sering bertelagah atau berselisih dalam banyak perkara. Maka, hari ini merupakan detik terbaik untuk kita menjernihkan kembali kekeruhan yang ada. Kita sama-sama bina semula kekuatan umat Islam dengan membentuk kesatuan dan kesefahaman. Tinggalkan budaya label-melabel, caci-mencaci, tuduh menuduh sesama umat Islam. Kita sudah pun berada di akhir zaman. Bukankah kita umat Islam berkeyakinan bahawa kita menyembah Allah Yang Satu? Maka untuk apa kita terus bertelagah dan bermusuhan sesama umat Islam?

Hakikatnya kita semua bersaudara. Terkadang dipecahkan oleh hal-hal yang sangat remeh namun membawa kesan yang berpanjangan. Maka berusahalah memperbaiki hubungan sesama umat Islam atau kita yang berusaha menjadi pendamai kepada umat Islam yang berselisih. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ١٠

¹ al-Tarhib wa al-Tarhib, 2/57

Maksudnya: “Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat”. (Surah al-Hujurat ayat 10)

Kuncinya, kita hendaklah menjaga lisan daripada menyakiti orang lain kerana hakikatnya kita juga tidak suka disakiti sama ada dengan lisan mahupun perbuatan. Hari raya ini pula kita akan saling berkunjung antara satu sama lain, maka jagalah lisan, penglihatan dan perbuatan. Jangan pula kita melakukan sesuatu yang boleh menyakiti hati orang lain dengan alasan sekadar gurauan atau untuk membuat konten. Inilah larangan yang terkandung dalam al-Quran sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 58:

وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بَغَيْرِ مَا اكْتَسَبُوا فَقَدِ احْتَمَلُوا بُهْتَانًا وَإِثْمًا مُّبِينًا ٥٨

Maksudnya: “Dan orang-orang yang mengganggu serta menyakiti orang-orang lelaki yang beriman dan orang-orang perempuan yang beriman dengan perkataan atau perbuatan yang tidak tepat dengan sesuatu kesalahan yang dilakukannya, maka sesungguhnya mereka telah memikul kesalahan menuduh secara dusta, dan berbuat dosa yang amat nyata”.

Saya juga ingin mengingatkan semua umat Islam untuk sentiasa memelihara keaiban sendiri dan orang lain, menutup aurat, menghindari percampuran bebas antara lelaki dan wanita yang bukan mahram juga sentiasa memelihara pandangan sama ada lelaki mahupun perempuan sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Nuur ayat 30:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا

يَصْنَعُونَ ٣٠

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah Amat Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang mereka kerjakan”.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Muslimin dan Muslimat yang dikasihi sekalian,

Saya juga ingin berpesan kepada seluruh umat Islam dalam suasana kegembiraan menyambut Aidilfitri ini, jangan pula kita leka menunaikan kewajipan yang telah ditentukan ke atas kita terutamanya solat fardhu liwa waktu. Untuk akhirnya, saya turut ingin mengingatkan saudara-saudari sekalian untuk kita berusaha melaksanakan puasa sunat enam hari di Bulan Syawal kerana fadhilatnya yang amat besar sebagaimana sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis sahih yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ، كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ

Maksudnya: “Barangsiapa berpuasa Ramadan, diikuti dengan puasa (sunat) enam hari di Bulan Syawal, menyamai seperti berpuasa sepanjang tahun”.

Sebagai penutup, saya ingin merumuskan khutbah kepada beberapa pesanan penting buat saudara-saudari yang dikasihi sekalian;

Pertama: Hari Raya Aidilfitri boleh dianggap sebagai medan ujian untuk kita istiqamah melaksanakan amal kebajikan sebagaimana Ramadan bulan ujian kita meningkatkan amal ibadah.

Kedua: Sebenar-benar kemenangan dan kebahagiaan menyambut Aidilfitri ialah apabila segala amal ibadah kita diterima oleh Allah SWT.

Ketiga: Kita hendaklah menjaga lisan, penglihatan dan perbuatan agar tidak menyakiti orang lain sebagaimana kita juga tidak suka disakiti.

Justeru, marilah kita sama-sama bermuhasabah dan berterusan melaksanakan ketaatan kepada Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya, bukan hanya di Bulan Ramadan, bahkan seterusnya sampai bila-bila hingga sampai masa kita dijemput oleh Allah SWT.

Firman Allah SWT:

تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ يُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا وَذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ۝۱۳

Maksudnya: “Segala hukum yang tersebut adalah batas-batas (Syariat) Allah. Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam Syurga yang mengalir dari bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya; dan itulah kejayaan yang amat besar”. (Surah al-Nisaa ayat 13)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلَ هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Muslimin Muslimat Yang Dikasihi Sekalian,

Marilah kita memperbanyakkan berselawat dan ucapan salam ke atas Baginda Nabi Muhammad SAW. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah SWT dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad SAW); Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya”.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ
مَا مَوْلِيَا سِرِّي قُدُوكَ بِكِنْدَا يَغْ د-فَرْتَوَانِ اَكُوغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِيهَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكَ بَكِينِدَا رَاَجِ قُرْمَايسُورِي اَكُوغُ، رَاَجِ
زَارِيثُ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْتَعِينُكَ وَنَسْتَغْفِرُكَ وَنَسْتَهْدِيكَ، وَنُؤْمِنُ بِكَ وَنَتَوَكَّلُ عَلَيْكَ، وَنُثْنِي عَلَيْكَ
الْخَيْرَ كُلَّهُ، نَشْكُرُكَ وَلَا نَكْفُرُكَ، وَنُخَلِّعُ وَنَتْرِكُ مَنْ يَفْجُرُكَ. اللَّهُمَّ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَلَكَ

نُصَلِّي وَنُسَجِّدُ وَإِلَيْكَ نَسْعَى وَنُحْفَدُ نَرْجُو رَحْمَتَكَ وَنُخْشَى عَذَابَكَ، إِنَّ عَذَابَكَ الْجَدِّ
بِالْكَفَارِ مُلْحَقٌ. اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِخْوَانَنَا الْمُجَاهِدِينَ فِي فِلَسْطِينَ، خُصُوصًا فِي غَزَّةَ،

وَاحْقِنِ دِمَائِهِمْ. اللَّهُمَّ عَلَيْكَ يَا يَهُودَ، الصَّهْيُونِيِّينَ الْمَلْعُونِينَ، وَأَنْزِلْ غَضَبَكَ عَلَيْهِمْ.
اللَّهُمَّ أَنْصِرْ دِينَكَ وَكِتَابَكَ وَسُنَّةَ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرْ الْمُسْلِمِينَ الْمُسْتَضْعَفِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ. اللَّهُمَّ أَرْحَمَ الْمُسْتَضْعَفِينَ مِنْ
عِبَادِكَ. اللَّهُمَّ اكْشِفِ الْغَمَّةَ عَنْ أُمَّتِنَا. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ تَرْفَعَ الْبَلَاءَ عَنْ غَزَّةَ

وَأَهْلِهَا، وَأَنْ تَنْصِرَهُمْ عَلَى عَدُوِّهِمْ، وَأَنْ تَرْحَمَ الْمُسْتَضْعَفِينَ مِنْ عِبَادِكَ، وَأَنْ
تَكْشِفَ الْغَمَّةَ عَنْ أُمَّتِنَا. اللَّهُمَّ عَافِنَا وَالطُّفَّ بِنَا وَاحْفَظْنَا وَأَنْصِرْنَا وَفَرِّجْ عَنَّا

وَالْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ اكْفِنَا وَإِيَاهُمْ جَمِيعًا شَرَّ مَصَائِبِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ.
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُنَّ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ

قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا
 أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
 رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
 وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ
 اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ